



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN & INOVASI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TERMA DAN RUJUKAN**

**PROJEK INOVASI AKAR UMBI UMS-SATA  
2020**

## **1.0 PENGENALAN**

Program akar umbi ini merupakan satu inisiatif yang diambil oleh Universiti Malaysia Sabah melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) dalam usaha mengeratkan hubungan dengan industri kecil di Sabah. Kerjasama ini dilaksanakan melalui Sabah Techpreneur Association (SATA) di mana ahli-ahlinya terdiri daripada usahawan-usahawan kecil di Sabah bergelar usahawan PITCHBORNEO. Tujuan program ini adalah untuk membantu usahawan PITCHBORNEO menaiktaraf produk-produk mereka dengan pemindahan ilmu/teknologi daripada kepakaran penyelidik UMS.

## **2.0 OBJEKTIF PROGRAM**

- Menggalakan hubungan jaringan industri melalui penyediaan penyelesaian (*providing solution*) daripada penyelidik UMS kepada industri di Sabah.
- Menyediakan platform untuk interaksi dan perpindahan teknologi yang dapat merapatkan hubungan di antara penyelidik UMS dan usahawan di Sabah.
- Menggalakkan penyertaan daripada penyelidik UMS untuk memberikan penyelesaian berasaskan permintaan industri mengikut kepakaran sedia ada

## **3.0 SKOP PROGRAM AKAR UMBI UMS-SATA**

3.1 Penyelidik UMS akan memberi khidmat nasihat kepada usahawan PitchBorneo dalam menaiktaraf produk sediaada yang tidak melibatkan penghasilan produk baru, pemasaran dan pengurusan perniagaan. Kerjasama di antara UMS dan SATA hanya melibatkan intervensi dari segi teknikal seperti berikut:

- Memberikan khidmat nasihat dalam menambahbaik penghasilan produk sedia ada.
- Memberikan khidmat nasihat dalam menambahbaik pemprosesan produk khususnya untuk menambah tempoh tarikh luput produk.
- Memberikan nasihat bagi proses penghasilan produk agar lebih mudah, cepat atau teratur.
- Memberi bantuan dari segi strategi pemasaran.
- Memberikan cadangan dan kepakaran dalam menaiktaraf pembungkusan produk mengikut keperluan pemasaran.

3.2 Peruntukan bajet akan disalurkan kepada penyelidik UMS dalam usaha membantu usahawan PitchBorneo bagi intervensi teknikal yang disebutkan di Perkara 3.1, tertakluk kepada kelulusan pihak UMS.

3.3 Projek yang melibatkan permohonan dan pembayaran untuk mendapatkan sijil seperti Halal, ISO dan lain-lain tidak termasuk dalam intervensi ini.

3.4 Projek yang melibatkan pemindahan dana, pembelian fasiliti dan aset sebagai penyelesaian tidak dibenarkan.

## **4.0 MEKANISME PERMOHONAN DAN PEMBIAYAAN PROJEK**

4.1 Pemohon perlu mempunyai kepakaran, kemahiran atau pengetahuan dalam projek yang memerlukan intervensi inovasi.

- 4.2 Pemohon selaku Ketua Projek daripada kalangan kakitangan akademik Fakulti/Institut/Pusat bersama-sama usahawan yang dipilih adalah diwajibkan untuk mengemukakan permohonan beserta perincian bajet melalui borang permohonan yang telah disediakan.
- 4.3 Permohonan perlu dikemukakan melalui borang permohonan yang telah disediakan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh bengkel iaitu sebelum 31 Ogos 2020.
- 4.3 Pembiayaan projek akan diperuntukkan kepada setiap projek yang berpotensi dengan jangkamasa projek selama 6-12 bulan sahaja.
- 4.4 Perancangan perbelanjaan dan pengurusan kewangan bagi setiap projek adalah disediakan oleh penyelidik mengikut keperluan projek berdasarkan vot dan peraturan kewangan UMS yang telah ditetapkan.
- 4.5 Penyelidik hanya boleh mengetuai satu (1) projek sahaja dan dibenarkan menjadi ahli untuk lebih daripada satu (1) projek lain pada satu-satu masa.
- 4.6 Penilaian permohonan akan dikendalikan mengikut prosedur permohonan geran yang sedia ada di PPPI.
- 4.7 Kriteria penilaian projek adalah seperti berikut:
- Keperluan intervensi mestilah jelas dan berasaskan teknologi (*technological based*) bagi tujuan penambahbaikan dan penambahan nilai produk.
  - Pernyataan masalah adalah jelas untuk menyelesaikan masalah
  - Kesesuaian kepakaran ketua dan ahli projek.
  - Cadangan belanjawan adalah munasabah
  - Produk mampu ditambahbaik untuk tujuan pengkomersialan.
  - Jenis harta intelek yang akan didaftarkan (paten, 'copyright', 'trademark' atau 'tradeseecret') sekiranya ada.

## **5.0 PERATURAN KEWANGAN**

- 5.1 Prosedur pembelian serta penggunaan dana harus mematuhi peraturan kewangan serta pekeliling kewangan yang digunapakai dan sedang berkuatkuasa di UMS.
- 5.2 Sebarang perbelanjaan yang tidak disenaraikan dalam permohonan asal hendaklah mendapatkan kelulusan daripada PPPI terlebih dahulu.
- 5.3 Pengurusan kewangan geran akan diselenggara oleh FPI mengikut prosedur kewangan sedia ada.
- 5.4 Vot perbelanjaan yang dibenarkan adalah:
- Vot 21000 – Perjalanan dan pengangkutan**  
Perjalanan domestik/kerja lapangan yang berkait langsung dengan projek sahaja. Aktiviti dan cadangan perbelanjaan hendaklah diperakukan dalam kertas cadangan asal.
  - Vot 24000 – Sewaan**  
Sewaan kenderaaan dan peralatan khas yang tidak terdapat di UMS sahaja dibenarkan.

iii. **Vot 27000 – Bekalan dan bahan**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan projek sahaja dibenarkan.

iv. **Vot 29000 – Perkhidmatan**

Perkhidmatan ikhtisas yang tidak terdapat di UMS sahaja dibenarkan.

Lantikan enumerator adalah dibenarkan.

## **6.0 IMPLEMENTASI DAN OUTPUT PROJEK**

6.1 Semua projek yang diluluskan akan dipantau dari aspek:

- (i) Prestasi projek; dan
- (ii) Prestasi kewangan akaun amanah.

6.2 Ketua projek bertanggungjawab menyediakan dan membenteng laporan prestasi projek dan kewangan di peringkat PPPI yang dipengerusikan oleh Pengarah PPPI.

6.3 Semua projek mesti ditamatkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pelanjutan projek tidak dibenarkan.

6.4 Pihak FPI adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada PPPI dan menamakan pengganti sekiranya Ketua Projek berpindah/cuti belajar/cuti sabatikal/sakit dan sebagainya.

6.5 Output mestilah memenuhi serta mencapai objektif asal permohonan projek yang dikemukakan oleh pemohon. Penyelesaian masalah yang dicapai dan implikasinya mestilah dinyatakan dengan jelas serta mencapai sekurang-kurangnya penarafan 3 bintang jaringan komuniti (MyRA).

6.6 Hak harta intelek produk dan teknologi asal adalah milik usahawan. Sekiranya perlu Ketua Projek (UMS) hendaklah memohon perlindungan Harta Intelek ke atas proses atau prosedur baru yang diperkenalkan dalam inovasi sediaada melalui PPPI.

6.7 Perlindungan dan pengkomersilan harta intelek (sekiranya ada) hendaklah mematuhi Polisi Harta Intelek UMS yang sedang berkuatkuasa.

## **7.0 LAPORAN AKHIR**

7.1 Laporan akhir pelaksanaan projek perlu dihantar dalam tempoh satu (1) bulan selepas projek disiapkan dengan mengemukakan perkara berikut:

- i. Borang R4 (Borang Laporan Akhir Projek)
- ii. Profil Projek (sebanyak 5 muka surat)
- iii. Penyata kewangan yang menunjukkan butiran perbelanjaan
- iv. Borang soal selidik penilaian impak projek pemindahan ilmu/teknologi kepada masyarakat/industri.
- v. Borang penilaian impak projek pemindahan ilmu/teknologi kepada masyarakat/industri bertaraf 3 bintang mengikut MyRA.

7.2 Semua projek akar umbi adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai PEREKA pada tahun semasa (PEREKA 2020) atau tahun berikutnya.